

**ADUN BN Selangor Keluar Dewan Bantah SMS Tidak Adil Speaker
Bernama
27 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 27 Mac (Bernama) --- Beberapa Anggota Dewan Undangan Negeri Selangor daripada Barisan Nasional bertindak meninggalkan persidangan Selasa kerana membantah tindakan Speaker Datuk Teng Chang Kim yang mereka anggap sebagai tidak adil.

Abdul Shukur Idrus (BN-Kuang) berkata Teng telah menyalahgunakan kuasanya apabila menghantar SMS meminta semua anggota exco kerajaan negeri "menggunakan peluang secukupnya" untuk menjelaskan kejayaan kerajaan negeri pimpinan Parti Keadilan Rakyat itu memerintah Selangor selama empat tahun dalam sesi penggulungan perbahasan.

"Speaker tidak boleh hantar SMS sebegini kepada ahli exco sebab hanya MB (Menteri Besar) sahaja boleh hantar SMS untuk meminta semua ahli Exco membahar tentang kejayaan pakatan PKR-DAP-PAS memerintah Selangor.

"Ini jelas menunjukkan Speaker mengambil pendirian berat sebelah apabila hantar SMS yang memberi rangsangan kepada anggota exco supaya menjawab baik mengenai pemerintahan pakatan pembangkang," katanya kepada pemberita selepas keluar dari dewan itu.

Turut bertindak keluar adalah Datuk Mohd Shamsudin Lias (BN-Sungai Burong), Mohd Isa Abu Kasim (BN-Batang Kali), Wong Koon Mun (BN-Kuala Kubu Baharu), Datuk Abdul Rahman Palil (BN-Sementa) dan Badrul Hisham Abdullah (BN-Pelabuhan Klang).

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655091>